

Kekuatan barisan keselamatan terus dikekalkan - PM

Mn. M. 14 JAN 1989

KUALA LUMPUR 13 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan terus mengekalkan kekuatan barisan keselamatan dan pertahanan negara yang sedia ada walaupun negara dalam keadaan aman dan anggota - anggota Parti Komunis Malaya (PKM) telah menamatkan perjuangan bersenjata mereka.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, negara sebenarnya mempunyai kekuatan barisan keselamatan minimum yang dianggap perlu bagi sebuah negara yang membangun.

"Tugas pasukan tentera dan polis mungkin berkurangan,

terutamanya selepas perletakan senjata PKM tetapi banyak tugas lain yang perlu mereka lakukan," kata Perdana Menteri kepada para pemberita selepas majlis perbarisan Hari RELA di pusat latihan polis di sini hari ini.

Sebelum itu dalam ucapannya, Perdana Menteri mencadangkan kerajaan - kerajaan negeri dan agensi - agensi kerajaan yang berkaitan supaya menggunakan khidmat anggota - anggota RELA untuk menjayakan kegiatan - kegiatan pembangunan, terutamanya program pembasmian kemiskinan luar bandar.

Beliau berkata, pasukan RELA bukan sahaja mempunyai kemampuan dan tenaga untuk membantu kejayaan menjayakan program tersebut tetapi penglibatan mereka akan dapat menjimatkan perbelanjaan negara.

"Penjimatan cara ini akan menolong membiayai lain - lain projek kemasyarakatan yang tidak kurang pentingnya," ujar beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir mahu tenaga RELA disalurkan dan digembleng untuk memesatkan lagi proses pembangunan negara, terutamanya dalam masa aman seperti sekarang.

Potensi RELA untuk memainkan peranan ini, ujar Perdana Menteri, harus disedari dan dimanfaatkan oleh semua pihak.

Beliau menasihati setiap anggota RELA supaya sentiasa berwaspada serta peka kepada ancaman yang boleh mengganggu - gugat keamanan serta kesejahteraan persekitaran masing - masing.

"Mereka hendaklah berusaha meninggikan lagi semangat masing - masing agar sentiasa bersedia untuk menjalankan apa sahaja tugas bagi membantu membendung segala bentuk ancaman yang mungkin timbul di kawasan masing - masing," katanya.

Tegas Perdana Menteri, tanpa inisiatif anggota - anggota RELA untuk meninggikan semangat perjuangan masing - masing, usaha - usaha kerajaan untuk menjadikan RELA sebagai jentera keselamatan yang berkesan mungkin tidak akan tercapai.

Menurut beliau, setiap anggota RELA janganlah hendaknya mengurangkan kewaspadaan terhadap ancaman - ancaman keselamatan yang berlaku di negara ini sepanjang masa, umpamanya usaha menimbulkan kebencian terhadap kerajaan melalui berbagai fitnah.

Beliau tidak mahu anggota RELA menganggap perletakan senjata PKM baru - baru ini mendorong sesetengah pihak untuk berfikir bahawa ancaman terhadap keselamatan negara sudah berakhir.

Katanya, untuk memelihara keselamatan dan keamanan negara, setiap rakyat Malaysia mestilah bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Mengenai keanggotaan RELA, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak bercadang untuk menambah keanggotaan dalam pasukan RELA.

"Tenaga dan pengisiannya telah cukup. Kerajaan tak bercadang menambah keanggotaannya," kata beliau.